

Kos pembinaan penempatan mangsa bah serendah RM31,190 seunit

Guna kontena bina rumah

KOSMO-17 JAN 2015 - NEGARA

KUANTAN - Kontena terpakai dilihat sesuai dijadikan sebagai kediaman bagi mangsa banjir kerana kosnya adalah lebih murah dan tempoh untuk membina lebih singkat.

Idea itu dicetuskan penyelidik daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengatakan, penggunaan kontena lebih tahan lama berbanding kabin seperti yang dicadangkan sesetengah pihak.

Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli UMP, Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus berkata, kontena yang dibangunkan dengan teknologi 'Modular Craft' itu menggunakan dua elemen penting iaitu kontena terpakai dan cat khas yang mampu mengurangkan haba.

Menurutnya, kontena yang dibangunkan dengan kerjasama penyelidik UMP serta Portland Group of Companies dilihat sebagai penyelesaian terbaik untuk kerajaan bagi membina kediaman untuk mangsa banjir.

"Pembinaannya berkonsepkan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dan amat teguh untuk dijadikan sebagai kediaman, mahupun bangunan yang telah musnah dalam banjir baru-baru ini," katanya kepada *Bernama* di sini semalam.

Rosli memberitahu, penggunaan kontena terpakai tidak memerlukan cerucuk dan kerajaan tidak perlu membina penempatan sementara kerana ia boleh dijadikan rumah kekal selain mudah dipindahkan.

Selain itu, katanya, ia hanya mengambil masa selama enam minggu untuk



CONTOH rumah kontena yang boleh dijadikan kediaman mangsa banjir yang kehilangan rumah. - Gambar hiasan



ROSLI menunjukkan dua gambarajah kontena yang dijadikan rumah ketika ditemui di UMP, Kuantan semalam.

membina empat unit rumah dengan kos setiap satu RM65,000 dan kosnya akan semakin murah sekiranya dibina dalam kuantiti yang banyak.

"Kontena ini mempunyai keluasan 65 meter persegi yang mengandungi tiga bilik tidur, dua bilik air selain terdapat ruang tamu, dapur, tempat khas jemuran dan tangki air.

"Keluasan rumah ini juga boleh digandakan sehingga 130 meter persegi dengan menjadikannya dua tingkat apabila pemiliknya sudah mampu berbuat demikian nanti," ujarnya.

Menurut Rosli, kerajaan juga mempunyai pilihan kedua dengan membina rumah kontena dengan keluasan 29.7 meter persegi yang menelan kos RM31,190 seunit, namun ia tidak mempunyai bilik atau ruang khas.

PDF
RM.
ang
ban

KOTA I
sia (PDI
yak RM
gota ser
teruk al
berapa r
Peng
Bukit A



sumbar
RM500
mua an
di Kelat
Perak.
pada m
"Pert
kutipar
rela n